

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

SOALAN

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [Lahad Datu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kadar pengangguran dan kadar kemiskinan di Sabah dari tahun 2003 hingga 2019 berbanding kadar KDNK Sabah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB), penganggur bermaksud mereka yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Bilangan penganggur di Sabah dalam tempoh 2003 hingga 2019 adalah antara 61.4 ribu orang hingga 117.1 ribu orang. Kadar pengangguran di Sabah pula mencatat antara 4.9 peratus hingga 6.5 peratus.
2. Bagi kadar kemiskinan di Sabah, berdasarkan kepada metodologi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang disemak semula, pada tahun 2019 kadar kemiskinan di Sabah adalah 19.5 peratus.
3. Bagi keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pula, purata pertumbuhan tahunan KDNK Sabah dari tahun 2000 hingga 2019 adalah pada kadar 4.5 peratus setahun. Pertumbuhan KDNK tertinggi yang dicatatkan oleh negeri Sabah adalah pada tahun 2008 dengan peningkatan sebanyak 10.7 peratus.
4. Pada tahun 2019, KDNK Sabah mencatat pertumbuhan sebanyak 0.5 peratus (2018: 1.5%), dipengaruhi oleh prestasi pertumbuhan yang lebih perlahan bagi sektor Perkhidmatan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian. Dari segi struktur ekonomi, 46.1 peratus daripada keseluruhan KDNK Sabah adalah disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan. Sementara itu, 42.4 peratus adalah disumbangkan oleh sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian. Ini menunjukkan kebergantungan negeri Sabah kepada ekonomi berasaskan komoditi seperti minyak dan gas serta kelapa sawit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil Kerajaan melalui Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) semenjak diperkenalkan pada 1 April 2015 sehingga ditamatkan pada 1 Jun 2018 dan nyatakan jumlah kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 September 2018 hingga terkini 2020 serta adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula GST dan menghapuskan SST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kutipan bersih GST setelah ditolak *refund* semenjak diperkenalkan pada **1 April 2015** sehingga dimansuhkan pada **1 Jun 2018** adalah sebanyak **RM133.10 billion**. Manakala jumlah kutipan bersih Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (MySST) mulai **1 September 2018** sehingga **31 Oktober 2020** adalah sebanyak **RM52.96 billion**.

2. Kerajaan sedang menjalankan kajian dan mendapatkan pandangan serta maklum balas pelbagai pihak berkepentingan mengenai kesesuaian untuk melaksanakan apa-apa model cukai kepenggunaan dengan mengambil kira semua aspek termasuk kelemahan sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sekarang, serta kelemahan sistem GST terdahulu. Kajian ini akan meliputi kesan ke atas ekonomi, kos sara hidup, kesan cukai ke atas harga barang serta keupayaan menangani kegiatan ekonomi gelap. Sebarang sistem cukai, samada ditambahbaik atau baharu, perlu bersifat mudah ditadbir dan tidak meningkatkan kos perniagaan di samping dapat mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

3. Namun, Kerajaan tiada sebarang keputusan akan diambil dalam musim COVID-19 ini dan sehingga keadaan ekonomi telah pulih. Keutamaan pada masa ini adalah untuk menyokong usaha-usaha memerangi penularan COVID-19, melindungi rakyat dan menyokong perniagaan.

Sekian, terima kasih.